

Ketuk-Ketuk Sahur ke HWKK Likas

► 23 pelajar Kesuwa, kakitangan JHEP agih juadah sahur



DARI KAMPUS

UB · 23.5.2019 B2
KOTA KINABALU:
Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama Kelab Kesukarelawanan Siswa UMS (Kesuwa) mengadakan program Ketuk-Ketuk Sahur sempena Pengagihan Juadah Sahur Ke Hospital Wanita dan Kanak-Kanak (HWKK) Likas pada awal



KAKITANGAN JHEP bersama pelajar Kesuwa dan kakitangan hospital merakam gambar kenangan sempena program itu.

pagi jam 2.30 pagi 18 Mei 2019.

Program Ketuk-Ketuk Sahur ini diadakan bermula jam 8.30 malam 17 Mei

2019 selepas solat Tarawih di Anjung Siswa, JHEP. Ia melibatkan 23 orang pelajar daripada Kesuwa dan beberapa kakitangan

daripada JHEP yang diketuai oleh Ketua, JHEP, UMS Kamisah Husin. Aktiviti persediaan dilakukan pada malam



SESI bergambar kakitangan JHEP bersama pelajar Kesuwa untuk program Ketuk-Ketuk Sahur.

itu ialah memotong bawang, daging ayam dan menyediakan bahan-bahan untuk memasak lauk ayam berkenaan dan nasi. Menu juadah sahur yang disediakan adalah nasi ayam masak merah, sayur acar timun dan kurma.

Sebanyak 250 bungkus

makanan disediakan untuk dihantar ke HWKK Likas pada awal pagi berkenaan.

Rombongan kakitangan JHEP dan pelajar Kesuwa menghantar juadah sahur ke HWKK Likas dengan menggunakan tiga buah van.

Sebelum menghantar

juadah sahur, kakitangan JHEP dan pelajar Kesuwa sempat bersahur bersama terlebih dahulu. Pihak HWKK Likas menyambut baik kedatangan rombongan kami pada awal pagi itu dan terus membawa ke wad-wad pesakit untuk edaran juadah sahur.